

30/3/82 30 MAR 1982

# Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SELASA, 30 MAC, 1982

## PERCUBAAN MEMISAH UMAT DARI AGAMA ISLAM

### RENCANA PENGARANG

SEPERTI dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, terdapat usaha-usaha untuk memisahkan umat Islam di negara ini dari ajaran Islam yang sebenar. Buktinya amat banyak. Di sebalik usaha Kerajaan untuk membentertasnya, penyelewengan-penyelewengan ajaran Islam terus berlaku, dan, anehnya, terus pula mendapat pengikut, yang taksub. Gerakan ajaran Crypto, yang baru dipatahkan oleh pihak berkuasa dengan penangkapan pemimpin-pemimpinnya, cumalah satu saja dari kumpulan yang banyak dan beraneka tujuan serta cara bergerak.

Kalaupun pemisahan umat Islam dari ajaran agama yang tulen bukan matlamat sebahagian besar kumpulan-kumpulan penyeleweng agama itu, ia akan menjadi akibat terakhir dari kegiatan mereka. Kerana sesuatu kepentingan tertentu, penganjur-penganjurnya menyalah-tafsirkan Quran dan hadis sesuai dengan kepen-

tingan tersebut. Bersenjatakan tafsiran yang menyeleweng itu mereka sama ada menyempitkan pandangan hidup pengikut-pengikut ataupun menyemaikan anggapan bahawa keislaman mereka lebih tulensementara pegangan yang bukan pengikut tidak benar — malah kufur.

Tetapi terdapat pula golongan yang secara langsung, walaupun amat halus, bertujuan untuk mengeluarkan pengikut-pengikut mereka dari Islam. Setengahnya didalangi oleh komunis, yang memeralat agama untuk mendapat sokongan yang paling bermakna baginya dari orang Melayu. Kumpulan Crypto pula mungkin didalangi oleh Zionis. Bagi komunis mahupun Zionis, Islam yang kuat merupakan halangan kepada cita-cita sejagat mereka. Tetapi mereka juga menyedari bahawa kepercayaan umat Islam terhadap agama cuma boleh diruntuhkan dari dalam. Kerana itulah mereka memeralat agama Islam pada peringkat awalnya.

Sama ada dengan penyelewengan secara langsung atau tidak langsung itu akibatnya, seperti ditekankan oleh Perdana Menteri, ialah pemisahan umat Islam dari agama. Bersamanya ialah perpecahan dan persengketaan sama sendiri yang mengakibatkan kelemahan umat Islam, dan akhirnya penguasaannya oleh pihak lain, sama ada dari golongan yang memecahkannya itu sendiri ataupun bukan. Tetapi ini semua tidak mungkin berlaku jika setiap umat Islam mempunyai pengetahuan dan fahaman agama yang mendalam, yang membawa kepada pemikiran yang luas. Kerana itu langkah Kerajaan mengelakkan perkara ini dengan bertindak ke atas penyeleweng-penyeleweng dan memajukan pendidikan agama serta pengetahuan yang lain adalah cara yang sebaik-baiknya. Bagaimanapun ia memerlukan kesedaran dan sambutan dari orang ramai. Inilah pula yang perlu diwujudkan oleh pemimpin-pemimpin setempat.